



Headline: Lelaki ditipu wanita pemberi pinjaman wang  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)  
Date: 4 February 2019

Language: Malay  
Section: Tempatan  
Page: 1

## **LELAKI DITIPU WANITA PEMBERI PINJAMAN WANG**

**SIBU:** Laman sosial bukan tempat meminjam wang sebaliknya seorang jurugambar lelaki nekad meneruskan hasratnya sehingga tertipu.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata mangsa, 43, kerugian RM6,640 akibat berurusan dengan seorang wanita memperkenalkan dirinya sebagai Yvone melalui aplikasi WhatsApp sejak 27 Januari lalu.

“Mangsa diberitahu sekiranya ingin meminjam RM50,000 dengan kadar faedah 6.8 peratus, dia perlu memasukkan wang untuk memenuhi beberapa syarat pinjaman dikenakan,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Katanya, mangsa bersetuju membuat pinjaman itu dengan bayaran ansuran bulanan sebanyak RM1,600 selama tiga tahun.

Untuk itu, mangsa memasukkan wang ke dalam akaun digunakan suspek sejumlah RM6,640 melalui empat transaksi iaitu RM890 pada 29 Januari dan baki RM5,750 menerusi tiga transaksi pada 31 Januari lalu.

Mangsa hanya menyedari dirinya tertipu apabila gagal menghubungi wanita terbabit.

Stanley berkata, suspek memperdaya mangsa memasukkan wang bagi urusan mendapatkan pinjaman yang tidak wujud.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” katanya. — Bernama